

# KULIAH ZOHOR

**“Punca Pelampauan Dalam Beragama”**

**Masjid Maarof | 12 Sep. 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

يُخْرِجُ فِيكُمْ قَوْمٌ تَحْقِرُونَ صَلَاتَكُمْ مَعَ صَلَاتِهِمْ وَصِيَامَكُمْ مَعَ صِيَامِهِمْ  
وَأَعْمَالَكُمْ مَعَ أَعْمَالِهِمْ يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ وَلَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ يَمْرُقُونَ  
مِنَ الدِّينِ مُرُوقَ السَّهْمِ مِنَ الرَّمِيَّةِ تَنْظُرُ فِي النَّصْلِ.....

# Terjemahan Hadis

- Abu Sa`id Al-Khudri r.a berkata: Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda,

“Akan keluar di antara kamu satu kaum, kamu akan merasa rendah (sedikit) solatmu jika dibanding dengan solat mereka dan sedikit puasamu bila dibanding dengan puasa mereka serta sedikit amalmu jika dibanding dengan amal mereka, mereka membaca Al-Quran tetapi tidak lebih dari tenggorokan mereka, mereka keluar dari agama bagaikan anak panah terlepas dari busarnya....” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

# Matn (Teks) hadis

سَيُخْرِجُ قَوْمٌ فِي آخِرِ الزَّمَانِ، حُدَّاثُ الْأَسْنَانِ، سُفَهَاءُ  
الْأَحْلَامِ، يَقُولُونَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ، لَا يُجَاوِزُ إِيْمَانُهُمْ  
حَنَاجِرَهُمْ، يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ، فَأَيْنَمَا  
لَقَيْتُمُوهُمْ فَاقْتُلُوهُمْ، فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ أَجْرًا لِمَنْ قَتَلَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

- Ali r.a berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda,

“Akan datang di akhir zaman satu kaum, muda-muda usianya, kurang sihat berfikirnya. Mereka itu berdalilkan dari Al-Quran dan hadis. Mereka keluar dari Islam sebagaimana anak panah terlepas dari busarnya. Iman mereka tidak lebih dari tenggorokan. Maka di mana sahaja kalian mendapatkan mereka, bunuhlah mereka kerana membunuh mereka akan berupa pahala bagi pembunuhnya di hari Kiamat.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

# Pengajaran Hadis

1. Kebenaran seseorang itu dinilai dengan kefahamannya terhadap agama yang diasaskan atas dalil yang betul serta metodologi penafsiran agama yang diikuti oleh para ulama yang benar.
2. Kebenaran bukan terletak pada dari sudut banyak dan elok amalan seseorang kerana akan ada di satu masa golongan yang mempunyai amalan yang banyak dan keperibadian yang hebat tetapi ajarannya menyeleweng. Bahkan mungkin sahaja mengeluarkan seseorang dari agama selaju anak panah keluar dari busarnya.

3. Jangan cepat kabur mata melihat kehebatan amalan seseorang, lalu terus mempercayainya.
4. Jangan mudah hilang keyakinan untuk berdebat atas kesalahfahaman seseorang dalam agama kerana kehebatan amalannya.
5. Bukan tujuan di sini untuk mengatakan tidak perlu memperbanyakkan amalan.
  - apa yang hendak dipertegaskan di sini ialah prinsip mengasaskan fahaman dan amalan agama atas dasar yang betul, iaitu didasarkan atas ilmu dan hujah, bukan atas peribadi dan amal zahir.

6. Peringatan agar kekal merendah diri walau sebanyak atau sebaik mana amalan kerana kesemua itu bukan hujah atas kebenaran kefahaman atau ketinggian darjat berbanding mereka yang dilihat seolah-olah kurang beramal.
  
7. Menjadi contoh dalam beramal tetapi tidak menjadikannya sebagai hujah ke atas orang lain atau menyebabkan rasa tinggi dari yang lain
  - hadis ini menyatakan secara jelas bahawa manusia yang banyak dan hebat amalannya pun boleh menyeleweng dan celaka di sisi Allah taala
  - di dunia pula mereka layak diperangi.

8. Hadis kedua menjelaskan bahawa berhujah dengan Al-Quran dan Sunnah sahaja tidak menjadikan seseorang itu benar kerana Al-Quran dan Sunnah itu bukan hanya setakat difahami pada makna zahir sahaja
  - perlu kaedah-kaedah tertentu yang telah digunapakai oleh para sahabat dahulu dan dibangunkan oleh para ulama silam.
  
9. Bila berhujah dengan Al-Quran dan Sunnah pastikan samada istidlal (cara mengambil dalil) yang dilakukan itu benar sehingga menjadikan hujahnya juga benar
  - jangan mudah terpedaya dengan sebutan ayat-ayat Al-Quran dan hadis
  - pastikan samada dalil berkenaan benar, hadis yang dinyatakan itu sahih dan cara istidlalnya betul.

10. Hadis kedua menyatakan bahawa mereka terdiri dari anak-anak muda
  - berhati-hatilah orang-orang muda
  - berhati-hatilah dengan semangat orang-orang muda.
  
11. Kesederhanaan itu terbina dengan semangat anak muda dan kebijaksanaan orang tua.

# KULIAH ZOHOR

**“Jangan Berlaku Zalim Dalam Berdakwah”**

**Masjid Maarof | 12 Sep. 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) hadis

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذَ  
بْنَ جَبَلٍ إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ "..... وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهَا  
لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ حِجَابٌ"

# Terjemahan hadis

- Dari Ibn Abbas yang menceritakan bahawa Nabi s.a.w telah mengutus Mu`az ke Yaman. Beliau berpesan,  
  
“...Takutlah kau terhadap doa orang yang dizalimi. Sesungguhnya tiada di antara doa itu dan Allah apa jua penghalang.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim.

# Pengajaran hadis

1. Hadis ini menceritakan pesanan Rasulullah s.a.w kepada Mu`az yang diutus ke Yaman untuk menjadi wakil beliau di sana dalam melakukan dakwah dan mengurus umat Islam di sana.
2. Kesolehan seorang sahabat dan statusnya sebagai seorang pendakwah tidak menghalang Rasulullah s.a.w dari memberi pesanan agar tidak melakukan kezaliman terhadap orang lain  
- mengapakah pesanan sedemikian relevan bagi seorang yang soleh dan seorang pendakwah?

3. Seringkali para pendakwah menggunakan hadis berkenaan sebagai hujah ke atas para penguasa yang zalim.
  - seolah-olah ia hanya relevan kepada para penguasa yang bersifat kuku besi, diktator dan menzalimi rakyatnya
  - hakikatnya hadis berkenaan sebenarnya merupakan pesanan Rasulullah s.a.w kepada seorang yang soleh dan akan melakukan tugas dakwah di Yaman.
  
4. Tugas dakwah tidak menjamin seseorang itu tidak melakukan kezaliman ke atas orang lain, secara sengaja atau tidak.
  - contoh mengaibkan nama baik dan maruah seseorang, membuat serangan peribadi yang tidak berasas, menghukum berdasarkan andaian dan spekulasi, membuat penilaian-penilaian yang bersifat bias, tidak objektif dan berdasarkan stereotaip, menjalankan program-program yang menjejaskan hak-hak orang lain secara tidak wajar dan lain-lain.

5. Usaha dakwah sepatutnya lebih peka dan sensitif mengenai kemungkinan melakukan kezaliman terhadap orang lain
  - jangan jadikan tugas suci dakwah sebagai alat untuk memaksumkan dirinya dari kesalahan.
  
6. Al-Mazlum (mereka yang dizalimi) dalam hadis itu, di sisi bahasa Arab membawa pengertian umum.
  - meliputi sesiapa sahaja samada lelaki atau perempuan, tua atau muda, soleh atau fasiq, Muslim atau bukan Muslim
  - jangan sesekali menyangka sedikit kezaliman itu wajar ke atas seseorang kerana dia itu fasiq, pelaku banyak maksiat atau dia itu bukan Muslim.

7. Guna hadis untuk melihat diri sendiri sebelum menggunakannya ke atas orang lain.
8. Sekiranya para sahabat yang soleh sekalipun masih diberi peringatan sedemikian, aktivis dakwah hari ini lebih utama untuk sentiasa mendapat peringatan-peringatan yang berterusan.
9. Apabila menzalimi seseorang dengan dakwah, sesungguhnya tiada hijab antara orang berkenaan dan Allah apabila dia berdoa dan mengadu akan nasibnya itu.